

PM mahu Malaysia membangun sebagai negara Islam contoh

Oleh Shahabudin Abdullah

UM 29 OCT 1983

SIPITANG, (Sabah) 28 Okt. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan hari ini, beliau mahu Malaysia membangun sebagai sebuah negara Islam contoh dari segi kesederhanaan, kemajuan dan keadilan pemerintahan.

Oleh itu, katanya, usaha-usaha sedang dijalankan sekarang bagi menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran berdasarkan sikap bersih, cekap dan amanah serta kepimpinan melalui tauladan.

Berucap merasmikan Masjid Haji Hashim di sini beliau mengecam golongan yang cuba menegakkan ideologi dan fatwa sendiri

yang boleh menimbulkan kebencian orang lain terhadap Islam.

Masjid tersebut yang dibina atas tapak lebih dua ekar dengan belanja \$1.6 juta adalah atas derma ikhlas dua orang jutawan adik-beradik, Datuk Haji Yassin dan Datuk Haji Kassim dan nama Haji Hashim adalah nama bapa mereka yang telah meninggal dunia.

Datuk Sri Dr. Mahathir dalam ucapan selanjutnya berkata, sikap bersih, cekap dan amanah adalah selaras dengan ajaran Islam yang kelak bukan sahaja dapat membentuk umatnya dengan sifat-sifat kesederhanaan tetapi juga akan dapat menge-



DATUK SRI DR.
MAHATHIR

kalkan keamanan negara.

Beliau telah menegaskan tentang pentingnya orang-orang Islam mempunyai sikap tolak ansur terhadap orang-orang bukan Islam di samping sanggup untuk menerima pemodenan.

Dengan orang-orang Islam melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dan pelajaran yang perlu

bagi pembangunan negara, maka kita akan dapat menuju ke arah menjadi sebuah negara Islam yang boleh menjadi contoh kepada negara-negara Islam lain, katanya.

Beliau menghambak, sikap seperti inilah yang dimaksudkan dengan penerapan unsur-unsur Islam dalam pentadbiran dan bukan memaksa orang lain mengikuti ajaran Islam yang kelak boleh menimbulkan kebencian dan ketakutan orang lain terhadap pemerintahan negara ini.

"Islam tidak menghendaki orang-orang yang suka menimbulkan kacau-bilau dalam masyarakat hanya kerana kita mempunyai kuasa dan menggunakan kuasa untuk menekan orang lain," tegas beliau.